

Headline	Tiga tapak baharu warisan UNESCO		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	10 Jul 2017	Circulation	197,202
Section	Negara	Readership	875,000
Page No	16	ArticleSize	515 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 13,416
Journalist	N/A	PR Value	RM 40,249
Frequency	Daily		



Tiga tapak baharu warisan UNESCO

Royal Belum, Permatang Kuarza, FRIM bakal jadi tarikan baharu dunia

LENGONG — Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menghantar tiga senarai sebelum penghantaran dokumen lengkap (dosir) untuk pengiktirafan tiga lokasi baharu sebagai tapak warisan dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Menterinya, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata, dokumen itu membabitkan Royal Belum di Gerik, Permatang Kuarza di Gombak, Selangor dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong.

“Pada masa ini Jabatan Warisan Negara sedang berusaha menyiapkan dosir pencalonan bagi tapak berkenaan dengan kerjasama pelbagai pihak bagi memenuhi kriteria dan kehendak UNESCO,” katanya.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian itu, Datuk Ab. Ghaffar A. Tambi pada majlis perasmian Karnival Lenggong 2017 sempena sambutan ulang tahun ke-5 Pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai tapak Warisan UNESCO di Dataran Lenggong di sini malam kelmarin.

Tapak Warisan Lembah Lenggong yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 30 Jun 2012 merupakan bukti kewujudan aktiviti masyarakat prasejarah yang tertua di dunia dan di situ terjumpa rangka manusia prasejarah iaitu Perak Man.

Menurut Mohamed Nazri, selain itu pihaknya juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan

pengiktirafan bagi kategori warisan termasuk dokumentari dan manuskrip.

“Kitab Tib Ilmu Bedil iaitu himpunan tentang teknologi

persenjataan orang-orang Melayu telah berjaya diperoleh pada tahun 2016 di bawah Memory of


the World Asia Pacific. Ini merupakan pengiktirafan pertama

di bawah badan tersebut yang berpusat di Korea Selatan,” katanya.

Mohamed Nazri berkata, Jabatan Warisan Negara juga telah menghantar tiga pencalonan untuk warisan kebudayaan tidak ketara bagi pengiktirafan di bawah Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage 2003.

Katanya warisan tersebut ialah Upacara Wangkang di bawah kategori Urgent Need for Safeguarding, Dondang Sayang di bawah Representative List dan Pantun secara Multi-National File bersama Indonesia.

“Pencalonan ketiga-tiga warisan berkenaan telah dihantar pada 31 Mac lalu dan keputusan sama ada berjaya atau tidak bakal diketahui pada November tahun hadapan,” katanya. — Bernama.



KEINDAHAN Tasik Banding di Royal Belum yang terletak di Gerik, Perak menjadikan lokasi ini syurga bagi mereka yang cintakan alam semula jadi. — Gambar hiasan

Headline	Tiga tapak baharu warisan UNESCO		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	16	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	515 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,416
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,249



JAJARAN batu kuarza di Bukit Tabur, Gombak sepanjang kira-kira 14 kilometer merupakan jajaran batu kuarza yang terpanjang di dunia. – Gambar hiasan



HUTAN simpan FRIM di Kuala Lumpur merupakan taman sains hutan yang menjadi rujukan ramai penyelidik untuk melihat keindahan hutan semula jadi. – Gambar hiasan

INFO Cadangan tapak warisan dunia UNESCO

Royal Belum, Gerik, Perak

- Salah satu hutan hujan tertua di dunia yang dianggarkan berusia lebih 130 juta tahun.
- Kaya dengan pelbagai hidupan liar dan menjadi habitat kepada spesies terancam seperti harimau belang, badak sumbu Sumatera dan beruang matahari.
- Berkeluasan lebih 117,500 hektar.

Permatang Kuarza, Gombak, Selangor

- Merupakan tembok batuan semula jadi di pinggir Banjaran Titiwangsa yang membentuk permatang sepanjang 14 kilometer yang terpanjang di dunia dengan 50 meter lebar.
- Kawasan hutan simpan yang kaya dengan biodiversiti dan memiliki sekurang-kurangnya 265 spesies tumbuhan.
- Sebelum ini dikenali sebagai Permatang Klang Gates sebelum kerajaan negeri Selangor bersetuju menamakannya sebagai Permatang Kuarza Gombak Selangor pada 24 Jun 2015.

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur

- Merupakan tapak lombong bijih timah.
- Aktiviti penanaman pokok secara besar-besaran di kawasan tersebut bermula seawal tahun 1926 menggunakan 100 spesies pokok asli dan eksotik.
- Memiliki pelbagai kemudahan riadah seperti berjoging, mandi di air terjun dan laluan kanopi sepanjang 150 meter pada ketinggian 30 meter.

Kini terdapat lima tapak warisan dunia UNESCO di negara ini iaitu Tapak Warisan Lembah Lenggong di Perak, George Town di Pulau Pinang, Bandaraya Melaka, Taman Negara Mulu di Sarawak dan Taman Kinabalu di Sabah.